

Menjana idea Penulisan Murid Melalui Perisian Peranti iPAD

Daing Noor Ashikin Bahnan

Sekolah Rendah Admiralty
daing_noor_ashikin_bahnan@moe.edu.sg

Abstrak

Menjana idea yang baik dalam penulisan merupakan satu cabaran guru. Cabaran ini menjadi hambatan yang sukar diatasi sekiranya murid tidak suka membaca, kurang latihan menulis atau tidak tahu cara-cara menulis karangan. Ini akan menyebabkan idea yang dijana murid menjadi terbatas dan dan plot karangan tidak dapat dikembangkan dengan baik. Ini sudah pasti akan menjejaskan markah serta kelakonan murid dalam penulisan karangan. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana perisian dalam peranti iPad dapat meningkatkan kemahiran murid menjana idea dan mengembangkan plot karangan. Peranti iPad yang mudah alih berperanan sebagai wahana yang memuatkan perisian yang menjadi fokus kajian. Tiga perisian dalam peranti iPad telah digunakan adalah Linolt, Notes dan Kamus Pro. Perisian ini telah pun digunakan murid-murid dalam matapelajaran yang lain. Dalam kajian ini, perisian ini digunakan untuk membantu murid menjana idea dengan lebih baik lagi. Berdasarkan dapatan kajian, ketiga-tiga perisian ini dapat membantu murid dalam mengembangkan idea. Dengan idea yang baik ini, karangan murid-murid secara tidak langsung dapat ditingkatkan.

Kata kunci

Peranti iPad, Perisian, ICT, Kemahiran Menulis, Karangan, Naratif

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan ICT telah dikenalpasti sebagai satu cara mempersiapkan murid dalam menyahut cabaran ke-21. Lebih-lebih lagi, murid-murid kini lebih terdedah kepada ICT sejak kecil lagi. Cara pembelajaran yang berpusatkan guru pula disesuaikan dengan pembelajaran yang berpusatkan murid. Guru pula berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran murid.

Bagi menarik perhatian dan tumpuan murid, peranti mudah alih iPad telah dikenalpasti sebagai wahana yang dapat digunakan. Di dalam peranti iPad ini terdapat pelbagai perisian yang mempunyai pelbagai fungsi. Dalam kajian ini, penggunaan perisian dalam peranti iPad telah diperkenalkan kepada sekumpulan murid darjah 3 yang menjadi subjek dan fokus kajian. Penggunaan peranti ini pula merupakan wahana tambahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Wahana lain yang digunakan termasuklah buku teks, buku aktiviti dan lembaran kerja.

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan perisian Linolt, Notes dan Kamus Pro bagi meningkatkan kemahiran murid menjana idea karangan naratif bagi pelajaran bahasa Melayu terutama sekali penulisan karangan naratif. Kajian ini juga dijalankan untuk menilai sejauh mana ICT dapat membantu menjadikan mereka pengguna bahasa Melayu yang lebih aktif, proaktif dan kreatif. Nilai-nilai abad ke-21 seperti pembelajaran arah sendiri dan pembelajaran kolaboratif juga ingin diterapkan dalam diri setiap murid. Kepentingan kajian ini terletak pada aspek mempelbagaikan pengajaran karangan dengan menggunakan iPad.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, subjek kajian (murid darjah tiga) mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad untuk mengembangkan dan menjana idea dalam penulisan mereka. Ini menyebabkan jalan cerita dalam penulisan karangan naratif mereka juga turut terjejas. Murid juga didapati kurang membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu.

Murid telah pun didedahkan dengan perisian peranti iPad yang sama dalam subjek-subjek yang lain. Walau bagaimanapun, perisian yang digunakan menggunakan bahasa Inggeris. Hanya Kamus Pro sahaja yang merupakan perisian dalam bahasa Melayu.

Walaupun murid telah didedahkan dengan penulisan karangan naratif gambar

bersiri yang terdiri empat gambar apabila mereka menjejakkan kaki ke darjah 3, diajar teknik-teknik menulis karangan dari aspek permulaan, perkembangan cerita dan pengakhiran cerita. Namun, murid masih mempunyai kesukaran menjana idea. Murid juga menghadapi kesukaran menulis dengan struktur ayat yang lengkap dan baik. Ada pula di antara mereka yang mempunyai kosa kata bahasa Melayu yang terhad kerana lebih terdedah kepada bahasa Inggeris

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan perisian peranti iPad dalam kalangan murid; dan
2. menilai kemahiran murid dalam menjana idea dan mengembangkan plot dalam penulisan karangan naratif.

KAJIAN LITERATUR

Faedah teknologi komunikasi maklumat dalam merangsang pengajaran dan pembelajaran telah banyak dibincangkan oleh ramai pengkaji. Kaedah-kaedah pembelajaran ke arah sendiri dan pembelajaran secara kolaboratif diintegrasikan dalam penggunaan teknologi komunikasi maklumat ini. Gibbons (2002) berpendapat, pembelajaran ke arah sendiri melibatkan inisiatif seseorang memulakan sesuatu aktiviti yang mencabar dan di samping itu turut mengembangkan pengetahuan peribadi serta kemahirannya demi mencapai cabaran itu.

Jonassen, Howland, Marradan Crismond (2008) pula mengatakan bahawa melalui pembelajaran berasaskan teknologi, dapat membantu menghasilkan pemikiran yang produktif, keupayaan memahami situasi serta hasil pembelajaran itu sendiri. Penggunaan ICT untuk mendukung pembelajaran ke arah sendiri dan pembelajaran kolaboratif boleh mendatangkan banyak faedah. Pertama, ia membolehkan pelibatan ramai pada masa yang sama yang mungkin tidak dapat dicapai di dalam situasi bilik darjah tradisional (Chai dan Tan, 2006). Oleh itu, penggunaan ICT boleh digunakan bagi tujuan mengajar kemahiran bahasa termasuklah kemahiran menulis.

Menurut Johnskn, Levine dan Smith (2009), pembelajaran bergerak dalam pendidikan sudah meluas untuk beberapa tahun yang kemunculan iPad dan alat-alat yang serupa dengannya, telah merubah potensi pembelajaran

bergerak untuk guru dan pelajar. Traxler (2009) pula mendefinisikan pembelajaran bergerak sebagai pembelajaran yang disokong atau disampaikan dengan menggunakan alat yang dipegang oleh tangan atau boleh dialih tempat. Alat-alat tersebut menggalakkan pembelajaran bila-bila masa sahaja kerana kemudahan membawanya ke mana-mana. Kemudahan mendapatkan informasi melalui alat-alat itu juga turut menyokong pembelajaran tanpa batasan masa dan tempat.

Brand dan Kinash (2010) berpendapat, alat-alat seperti iPad kini menggalakkan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja di dalam kawasan sekolah yang mana pelajar tidak perlu duduk di hadapan komputer atau berlatarbelakangkan makmal komputer (iPad mempunyai keupayaan unik yang tidak dapat ditandingi oleh alat-alat sebelumnya. Selain daripada mempunyai ciri-ciri sebuah komputer atau komputer riba, iPad mempunyai kelebihan skrin multi sentuhan dan pelbagai aplikasi yang dapat menggalakkan pembelajaran yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.

Oleh sebab itu, adalah perlu untuk kita mengkaji bagaimana perisian dalam iPad dengan kelebihan dan kekurangannya dapat mempengaruhi pembelajaran murid di dalam bilik darjah.

Pada masa yang sama, penggunaan iPad dalam pembelajaran telah diperkenalkan kepada murid-murid ini bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Berdasarkan keputusan tinjauan pra kajian yang dijalankan, rata-rata murid menyatakan bahawa mereka lebih tertarik kepada pembelajaran yang berkaitan IT daripada bahan pembelajaran yang berbentuk bahan cetakan.

iPad digunakan sebagai bahan ganti komputer kerana kemudahan membawanya ke mana-mana sahaja. Dengan adanya pelbagai aplikasi pembelajaran yang tersedia ada di dalam iPad, ini tidak seharusnya menjadi satu hambatan bagi murid menggunakannya.

KAEDAH KAJIAN

Beberapa aplikasi yang tersedia ada di dalam iPad digunakan dalam kajian ini. Aplikasi-aplikasi itu ialah aplikasi Linolt, Popplet, Notes, Educreations dan juga Kamus Pro.

Aplikasi Linolt yang berasaskan web telah digunakan bagi merangsang pembelajaran murid. Aplikasi ini digunakan kerana aplikasi ini menawarkan kemudahan untuk murid menyumbang saran idea-idea pada waktu yang sama

dan bila-bila masa sahaja. Murid juga menggunakan aplikasi ini untuk berbincang dengan kawan-kawan.

Aplikasi Notes yang terdapat di dalam iPad digunakan untuk memudahkan murid menaip karangan mereka. Murid juga menggunakan aplikasi Kamus Pro yang boleh dimuat turunkan ke iPad mereka untuk membantu mereka mencari makna perkataan.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid darjah 3 yang terdiri daripada tahap HA, Ma dan LA. Kajian dijalankan pada hari yang mempunyai tiga waktu pelajaran Bahasa Melayu. Kajian hanya dijalankan untuk satu kelas sahaja seramai 26 orang murid, iaitu 17 murid lelaki dan 9 murid perempuan. Pemilihan ini dikenal pasti dengan mengambil kira kumpulan murid yang mempunyai iPad mereka sendiri dan tahu menggunakan beberapa aplikasi yang terdapat dalam iPad. Dari segi penguasaan bahasa, murid-murid ini juga yang lebih kerap menggunakan Bahasa Inggeris di rumah.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini berpusatkan kepada pembelajaran murid dengan guru bertindak sebagai pemudah cara. Instrumen kajian berupa aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam iPad terutama sekali aplikasi Linolt, Notes dan Kamus Pro. Markah praujian dan posujian, rubrik penilaian, refleksi murid dan pemerhatian guru digunakan untuk menilai hasil kerja murid.

Hasil yang yang ingin diraih ialah para murid menjadi lebih bermotivasi dalam menjana idea untuk karangan mereka dan lebih konfiden dalam kelas bahasa Melayu. Para murid juga diharapkan menjadi murid yang terarah sendiri.

Selain itu, murid juga dapat menghasilkan karangan dengan isi-isi dan plot yang lebih menarik.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini dijalankan selama satu penggal. Sebanyak tiga putaran kajian tindakan telah dijalankan. Bahan-bahan pengajaran seperti gambar bersiri telah

ditukarkan dimuatkan ke dalam aplikasi Linolt.

Bagi menguji keberkesanan aplikasi Linolt, latihan menjana idea telah dijalankan di dalam kelas bagi pusingan yang pertama. Murid-murid dibahagikan kepada empat orang sekumpulan. Setiap kumpulan disediakan dengan kanvas Linolt kumpulan mereka sendiri. Murid menjana idea mereka secara individu sambil dipantau guru. Idea setiap murid akan dibaca oleh ahli kumpulannya sendiri. Apa yang ingin dicapai di sini ialah kemahiran kolaboratif dan kemahiran belajar terarah sendiri. Murid digalakkan membaca idea rakan-rakan sekumpulan sebelum mula melakar isi karangan mereka sendiri.

Murid menyelesaikan karangan mereka dengan menggunakan aplikasi Notes yang terdapat dalam iPad mereka. Karangan mereka akan dikongsi bersama guru dan rakan melalui Airdrop. Aplikasi Kamus Pro yang dimuatturunkan ke dalam iPad murid digunakan untuk membantu murid memandangkan penguasaan kosa kata mereka masih belum mantap. Sepanjang kajian ini dijalankan, murid hanya menggunakan iPad sahaja dan dibenarkan menyelesaikan setiap tugas di dalam kelas atau pun di rumah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan hanya 42% murid menunjukkan pencapaian yang lebih baik bagi latihan yang terakhir dengan menggunakan aplikasi iPad daripada latihan yang lazim dijalankan di bilik darjah. Rujuk Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Markah Pencapaian Murid

Murid	Kelas	Prakajian	Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3
Murid A	3A	5	5	7	7
Murid B	3A	5	4	5	5
Murid C	3A	5	4	6	6
Murid D	3B	4	4	3	4
Murid E	3B	6	7	7	7
Murid F	3B	4	4	5	5
Murid G	3B	7	4	6	5
Murid H	3B	4	4	4	5
Murid I	3B	6	4	6	6
Murid J	3B	4	4	5	5
Murid K	3B	7	7	7	7
Murid L	3C	4	2	2	2
Murid M	3C	3	2	4	5
Murid N	3C	4	4	4	5
Murid O	3C	4	5	6	4
Murid P	3C	4	5	6	6
Murid Q	3C	6	3	5	5
Murid R	3C	3	4	3	4

Walaupun secara kualitatif terdapat peningkatan dari segi minat dan semangat positif murid untuk menjana idea karangan, namun dari aspek kuantitatif pula, peningkatan markah tidak begitu menyerlah. Empat latihan telah dijalankan termasuk latihan prakajian. Daripada 26 orang murid, hanya 6 sahaja yang menunjukkan peningkatan markah antara 1 hingga 2 markah bagi isi karangan jika dibandingkan markah prakajian dengan markah latihan 2.

Antara markah prakajian dengan latihan 1 pula, terdapat murid yang mendapat markah yang kurang selepas melalui aktiviti iPad yang pertama. Namun, jika dibandingkan markah yang diperolehi untuk latihan 1 dan latihan 2, terdapat 11 orang murid yang menunjukkan peningkatan markah antara 1 hingga 3 markah. Secara keseluruhan, terdapat sedikit peningkatan markah purata daripada setiap latihan ke latihan yang seterusnya.

Setelah dikaji semula hasil kerja murid dan latar belakang murid, markah

yang tidak konsisten ini berlaku kerana ada murid yang tidak mempunyai penguasaan kosa kata yang mencukupi. Dapatan juga menunjukkan sebilangan murid tidak melakukan latihan dengan sebaik mungkin. Mereka juga lebih teruja menggunakan iPad untuk melihat-lihat aplikasi-aplikasi yang terdapat di iPad.

Dapatan kuantitatif yang dikumpulkan menunjukkan murid dapat membina kemahiran menjana idea. Melalui aplikasi-aplikasi iPad seperti Linolt dan Kamus Pro, murid dapat menjana idea bagi jalan cerita mereka apabila mereka berkongsi idea-idea mereka dengan rakan-rakan. Selaras dengan pandangan Anuradha (1995), penukaran idea secara aktif dalam kumpulan kecil bukan sahaja dapat meningkatkan minat murid, malahan menggalakkan pemikiran kritikal. Melalui Linolt, murid mendapat idea-idea baharu melalui aktiviti berkumpulan Penggunaan aplikasi Kamus Pro pula membantu murid lemah tetapi yang mempunyai kosa kata yang terhad. Namun begitu, penggunaan Kamus Pro dapat memberikan kesan yang lebih baik jika murid tahu bagaimana hendak menggunakan aplikasi itu tanpa bantuan guru.

Berdasarkan pemerhatian guru pula, murid menunjukkan sikap yang positif semasa menggunakan iPad untuk menambah baik pembelajaran karangan naratif mereka melalui penggunaan iPad. Murid tidak sabar untuk memulakan setiap latihan yang dirancangkan. Mereka menunjukkan kesungguhan yang menggalakkan terutama sekali murid-murid yang dahulunya merasakan pembelajaran karangan menyukarkan. Murid-murid yang pemalu kelihatan kurang tertekan kerana tidak perlu lagi rasa bimbang apabila diminta memberikan pendapat atau idea mereka. Mereka hanya perlu menggunakan kanvas linolt mereka untuk mencatatkan idea atau pendapat mereka.

Namun begitu, dapatan kajian juga telah menonjolkan beberapa cabaran dalam menjalankan strategi pembelajaran ini di dalam bilik darjah. Disebabkan sebilangan subjek kajian baru berusia 8 hingga 9 tahun, tahap kematangan mereka jelas kelihatan dalam karangan yang dihasilkan.

Hanya murid yang boleh melakukan aktiviti secara sendiri sahaja yang dapat mengeksploitasikan aplikasi-aplikasi yang tersedia ada di iPad untuk membantu mereka menjana idea dan melakar plot karangan mereka.

KESIMPULAN

Dengan menggunakan iPad semasa pembelajaran karangan, guru berupaya untuk meningkatkan kemahiran murid menjana idea dan mengembangkan

plot karangan walaupun tidak secara menyeluruh. iPad juga didapati dapat merangsang minat murid untuk pembelajaran sendiri apabila sebilangan daripada mereka berjaya menggunakan aplikasi yang tersedia ada di dalam iPad semasa melakukan aktiviti menjana idea tanpa bimbingan guru.

Satu usaha lanjutan akan dilakukan untuk meneliti kekurangan instrumen yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran murid menjana idea karangan dan dapat dilakukan penambahbaikan bagi membolehkan iPad digunakan dengan lebih efektif lagi.

RUJUKAN

- Anuradha A. Gokhale (1995) Collaborative Learning Enhances Critical Thinking, *Journal of Technology Education* Vol. 7 No. 1, Fall
- Brand, J., & Kinash, S. (2010). Pad-agogy: A quasiexperimental and ethnographic pilot test of the iPad in a blended mobile learning environment. Kertas kerja disampaikan di 27th Annual Conference of the Australian Society for Computers in Learning in Tertiary Education (ASCILITE), Sydney Australia.
- Chai, C. S., & Tan, S.C (2010) Computer-supported collaborative learning for knowledge creation (dipetik drpd artikel Collaborative Learning & ICT, Chai, C.S., & Tan, S.C., Ed Chai, C.S. & Wang Qiyun, *ICT For Self-Directed and Collaborative Learning*, Prentice-Hall
- Gibbons, M. (2002). *The self-directed learning handbook: Challenging adolescent students to excel*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Jack, C Wilson (2009) *A Causal Comparative Study of Students' Reading Motivation After Reading Comics In The Classroom*, *Childhood Education and Family Studies*, Missouri State University
- Johnson, L., Levine, A., & Smith R. (2009), *The 2009 horizon report*. Austin, TX: The New Media Consortium
- Jonassen, D., Howland, J., Marra, R., & Crismond, D. (2008). *Meaningful learning with technology 3rd ed.*, Upper Saddle River: NJ, Pearson,
- Traxler, J. (2009). Learning in a mobile age. *International Journal of Mobile and Blended Learning*, 1(1), 1-12. doi:10.4018/jmbL.2009010101